

Ayat 6 Surah al-Hujurat Sebagai Asas Menilai Kredibiliti Perawi Hadis

**A Irwan Santeri Doll Kawaid,
Muhammad Fawwaz Muhammad Yusoff,
Helimy Aris,
Shumsudin Yabi**
Fakulti Pengajian Quran Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
a.irwan@usim.edu.my

ABSTRAK

Ulama hadis meletakkan sebahagian besar kriteria hadis sahih atau yang diterima dalam meneliti kredibiliti perawi yang meriwayatkannya. Kriteria-kriteria hadis sahih secara keseluruhan adalah sanadnya mestilah bersambung, perawi-perawi yang meriwayatkannya mestilah bersifat al-'Adalah, mereka juga mesti bersifat al-Dhabit, tidak terdapat al-Syuzuz dan tidak terdapat al-'Illah pada riwayat tersebut. Langkah mengambil kira kredibiliti perawi sebagai syarat hadis sahih dilihat sejajar dengan ajaran Quran daripada surah al-Hujurat, ayat 6 yang mengarahkan umat Islam agar meneliti berita yang disampaikan oleh orang yang fasik. Ayat tersebut secara tidak langsung telah meletakkan sifat pembawa berita sebelum menyuruh umat Islam agar meneliti berita yang disampaikan atau dengan kata lain ayat ini menggambarkan sifat seorang pembawa berita sebelum memerintahkan berita yang dibawahnya diteliti. Ayat tersebut walaupun secara zahirnya berbentuk umum iaitu tidak mengkhususkan perintah tersebut dibuat terhadap pembawa hadis Nabi SAW, tetapi ia kemudiannya telah menjadi mekanisme utama dalam menerima kesahihan sesuatu hadis iaitu dengan meneliti kredibiliti perawi. Kertas kerja ini bertujuan untuk menelusuri penentuan kriteria kredibiliti perawi yang dijadikan syarat oleh para ulama dalam penerimaan kesahihan hadis Nabi SAW berpandukan ajaran Quran tersebut.

Kata kunci: Surah al-Hujurat, kredibiliti, perawi, hadis, syarat

PENDAHULUAN

Penilaian terhadap kesahihan hadis Nabi SAW dan perawinya telah bermula sejak kurun pertama hijrah tatkala munculnya riwayat-riwayat yang diragukan di kalangan umat Islam selepas kewafatan Khalifah 'Uthman bin 'Affan. Walaupun aktiviti mengesahkan kewujudan hadis tertentu telah wujud sebelum itu, iaitu pada zaman Nabi SAW masih hidup lagi dan selepas kewafatan baginda SAW iaitu di zaman khalifah-khalifah sebelum 'Uthman bin 'Affan. Namun perkara tersebut tidak sampai ke tahap meragui sesuatu hadis atau tidak mempercayainya. Perkara tersebut hanya sekadar memerlukan pengesahan. Hal ini boleh dilihat pada contoh-contoh kisah yang diriwayatkan antaranya kisah seorang nenek yang menghadap Khalifah Abu Bakar yang meminta hak waris dari harta pusaka yang ditinggalkan oleh cucunya. Lalu Abu Bakar menjawab bahawa beliau tidak menemui petunjuk daripada Quran atau amalan Nabi yang memberikan bahagian harta pusaka kepada nenek. Lalu Abu Bakar bertanya kepada para sahabat adakah

sesiapa di kalangan mereka yang boleh mengesahkan perkara itu pernah dinyatakan oleh Nabi SAW. Lalu al-Mughirah bin Syu'bah menyatakan kepada Abu Bakar bahawa Nabi SAW telah memberikan bahagian harta waris kepada nenek esjumlah seperenam bahagian.²⁴³ Kisah ini menunjukkan bahawa Abu Bakar hanya meminta pengesahan daripada sahabat lain terhadap maklumat yang beliau terima dan ia tidak bermakna beliau meragui kata-kata nenek tersebut.

Namun, selepas Khalifah Uthman bin 'Affan wafat akibat dibunuh, perpecahan berlaku di kalangan umat Islam dan timbul beberapa beberapa individu yang tidak bertanggung jawab yang mula berani mereka-reka hadis Nabi SAW sama ada bertujuan untuk membalas dendam terhadap Islam, menggalakkan orang berbuat baik atau untuk membantu kumpulan-kumpulan yang menyeleweng dengan hujah hadis Nabi SAW yang palsu, para sahabat dan tabi'in mula mengambil langkah berhati-hati dalam menerima apa-apa riwayat yang mereka terima daripada Nabi SAW. Antara langkah berhati-hati yang mereka ambil ialah mereka tidak menerima apa-apa hadis. Telah diriwayatkan oleh Tawus bahawa Busyair ibn Ka'ab telah datang menemui Ibn Abbas RA dan dia menyampaikan beberapa hadis Nabi SAW kepada beliau. Lalu Ibn Abbas berkata kepadanya: "Ulang hadis ini dan ini." Dia pun mengulangnya. Lalu dia menyampaikan hadis yang lain. Ibn Abbas berkata kepadanya lagi: "Ulang hadis ini dan ini." Dia pun mengulangnya. Lalu, dia berkata kepada Ibn Abbas, "Aku tidak tahu, adakah engkau mengetahui semua hadisku kecuali yang ini atau kamu tidak mengetahui semua hadis-hadisku kecuali yang ini." Maka, Ibn Abbas pun berkata kepadanya, "Sesungguhnya kami dahulu meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW, iaitu ketika hadis baginda belum dipalsukan, tetapi apabila manusia sudah berani membuat dosa, kami berhenti meriwayatkan hadis-hadis baginda SAW."²⁴⁴ Dalam satu kisah lain 'Busyair al-'Adawi datang kepada Ibn Abbas lalu meriwayatkan hadis-hadis Nabi SAW dengan berkata, "Rasulullah SAW bersabda....", "Rasulullah SAW bersabda....". Ibn Abbas tidak mengendakkannya malah tidak memandang kepadanya. Lalu dia berkata: "Wahai Ibn Abbas, mengapa aku melihat kamu tidak mendengar riwayat-riwayat yang kusampaikan sedangkan aku menyampaikan kepadamu hadis daripada Rasulullah SAW?" Ibn Abbas menjawab: "Dahulu, apabila kami mendengar ada orang mengucapkan, "Rasulullah SAW bersabda..." pandangan mata kami akan segera mengarah kepadanya dan telinga-telinga kami memberi perhatian kepadanya. Tetapi apabila manusia sudah berani membuat dosa, kami tidak lagi menerima kecuali apa yang kami ketahui sahaja."

Langkah lain yang diambil oleh ulama pada ketika itu ialah dengan melihat pada kredibiliti perawi yang meriwayatkan hadis. Mereka mula tidak menerima jika mereka mengetahui perawi yang meriwayatkan sesuatu hadis itu seorang yang terlibat dalam menyokong mana-mana kumpulan yang fahamannya menyeleweng. Jika mereka mendapati dia menyokong mana-mana kumpulan yang menyeleweng, kredibilitinya akan diragui dan riwayatnya akan ditolak. Tetapi jika seorang perawi itu diketahui sebagai pengikut ajaran Ahli Sunnah, riwayatnya diterima. Dalam perkara ini Ibn Sirin (w110h), sebagai salah seorang tokoh ulama hadis dari kalangan tabi'in, berkata: "Sesungguhnya mereka (umat Islam) pada mulanya tidak pernah bertanya tentang perawi sesuatu hadis, tetapi apabila berlakunya fitnah (pembunuhan 'Uthman bin 'Affan RA) mereka mula berkata: "Nyatakan kepada kami nama perawi kamu." Jika mereka mendapati perawi itu daripada kalangan Ahli Sunnah, hadis mereka menerima hadisnya. Sebaliknya, jika mereka

²⁴³ Op cit. al-Tahhan, Mahmud. *Taysir Mustalah al-Hadith*, hlm. 150.

²⁴⁴ Ahmad Mustafa Al-Maraghi. *Tafsir Al-Maraghi*. 2001. DBP Kuala Lumpur. Terjemahan Muhammad Thalib. Juz 15. Hlmn 4057.

mendapatinya daripada kalangan ahli bid'ah (kumpulan yang menyeleweng), hadis mereka ditolak."²⁴⁵

Pada masa tersebut ilmu hadis dan syarat hadis sahih belum lagi sempurna disusun sepertimana yang terdapat pada hari ini kerana ilmu hadis dan syarat hadis sahih yang tersusun hanya mula muncul sekitar kurun ke empat hijrah. Terdapat banyak lain ungkapan daripada para ulama di kurun kedua dan ketiga yang menyebutkan tentang kepentingan meneliti kredibiliti perawi yang meriwayatkan hadis.²⁴⁶ Daripada contoh kisah-kisah tadi dapat dilihat bahawa kredibiliti perawi menjadi kriteria penilaian kesahihan sesuatu hadis berbanding dengan kriteria lain iaitu seperti menilai hadis melalui isi kandungannya, penampilan perawi, ibadah, keturunan atau sebagainya.

Mekanisme menilai hadis dan keberkesanannya

Dari satu sudut, mekanisme menilai hadis jika dibuat melalui kandungannya nampak agak mudah. Ini kerana penilaian terhadap hadis boleh dibuat tanpa bersusah payah pergi ke mana-mana atau mengenali peribadi perawi. Namun sebenarnya kaedah penilaian tersebut terkadang lebih sukar daripada menilai hadis melalui kredibiliti perawi. Ini kerana, walaupun terdapat beberapa garis panduan yang telah digariskan tentang kaedah menilai hadis melalui kandungan, iaitu antaranya tiada berlaku percanggahan antara kandungan hadis dengan Quran, dengan hadis lain yang disepakati ulama atau dengan fakta sejarah tetapi garis panduan tersebut terkadang tidak dapat diaplikasikan dalam beberapa jenis hadis. Hal ini kerana terdapat beberapa hadis yang secara zahirnya tiada percanggahan, tetapi hakikatnya ia adalah palsu, terutamanya hadis berkaitan kelebihan amalan tertentu.

Menilai hadis melalui penampilan perawi, ibadah atau keturunannya pula lebih-lebih tidak dapat memberikan nilai sahih kepada suatu hadis kerana ramai orang yang penampilan zahirnya baik atau ibadahnya banyak, tetapi hadis hadis yang mereka riwayatkan adalah rekaan malah sesetengahnya adalah rekaan mereka sendiri. Maka disebabkan perkara-perkara tadi, kaedah menilai hadis melalui penelitian kredibiliti perawi adalah lebih mudah dan selamat jika dibandingkan dengan menilainya melalui cara lain.

Walaupun kaedah menilai kredibiliti juga terkadang sukar. Ini kerana jumlah perawi yang ramai, tidak semua perawi dapat diketahui kredibilitinya kerana setengah mereka tinggal di tempat yang jauh dan terdapat perawi yang kurang jelas kredibilitinya. Tetapi, bagi masalah perawi yang kurang diketahui kredibilitinya ini para ulama mempunyai kaedah bagi menyelesaikan, iaitu dengan menolak hadisnya dengan alasan untuk lebih berhati-hati. Dengan cara ini keraguan boleh dielakkan. Hal ini biasanya berlaku pada perawi hadis yang majhul. Perawi yang majhul ialah perawi tidak dikenali atau diketahui keadaan peribadinya yang sebenar.²⁴⁷ Begitu juga terdapat kesukaran yang lebih dari itu, iaitu ke atas perawi yang kredibilitinya diperselisihkan, iaitu perawi yang setengah ulama memperakukan riwayatnya dan ulama lain tidak memperakukannya. Atau dengan kata lain setengah ulama menganggapnya thiqah dan setengah yang lain menganggapnya dhaif. Terdapat ramai perawi yang kredibilitinya

²⁴⁵ Ibid. Juz 15. Hlmn 4145.

²⁴⁶ Ibid. Juz 15. Hlmn 4147.

²⁴⁷ Saed Hawa. *Al-Asas Fi al-Tafsir*. 1985. Bairut Darul Salam. Juz 6. Hlmn 3213.

diperselisihkan oleh para pakar ilmu Rijal. Hal ini berlaku antaranya disebabkan sama ada kerana seseorang perawi itu dikenali secara dekat oleh sesetengah ulama dan sesetengah ulama lain tidak mengenalinya atau atas sebab-sebab lain seperti iri hati dan sebagainya. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pakar hadis bagi menyelesaikan masalah ini iaitu dengan mengaplikasikan kaedah tarjih.

Panduan Quran

Dari sudut lain pula, cara menilai hadis melalui menilai kredibiliti perawi dilihat bertepatan dengan ajaran Quran pada ayat 6, Surah al-Hujurat. yang mengarahkan agar umat Islam menyelidiki berita yang disampaikan oleh seorang pembawa berita yang fasik iaitu firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ ۚ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ٦

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengetahuinya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Ayat ini selain mengarahkan umat Islam agar menyelidiki apa-apa berita yang mereka terima dibawa oleh seseorang, ia juga menggambarkan bahawa sifat seorang pembawa berita sudah diketahui iaitu perlu diambil berat sebelum berita yang dibawanya diselidiki dengan mengetahui kredibilitinya.

Ayat yang turun pada tahun selepas peperangan Banu al-Mushtaliq iaitu pada tahun ke enam hijrah²⁴⁸ ini telah mendidik umat Islam agar meneliti khabar berita yang disampaikan oleh orang fasik agar mereka menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini. Meskipun ayat ini berbentuk umum, iaitu tidak mengkhususkan berita yang diriwayatkan daripada Nabi SAW, tetapi ia kemudiannya telah menjadi asas dalam menilai apa-apa berita termasuklah hadis Nabi SAW, iaitu kredibiliti perawi disemak dahulu sebelum riwayat yang disampaikan dinilai.

Dalam sejarah ilmu hadis, para ulama amat mengambil berat dalam mengetahui keadaan perawi-perawi hadis. Diriwayatkan bahawa al-Muammal bin Ismail pernah menceritakan bahawa: “Aku telah mendengar satu hadis yang diriwayatkan oleh seorang lelaki tentang fadhilat al-Quran. Kononya hadis tersebut diriwayatkan daripada Ubayy bin Ka’ab daripada Nabi SAW. Lalu aku bertanya kepadanya: “Siapa yang meriwayatkannya kepada kamu?” Lelaki itu menjawab: “Seorang lelaki yang berada di al-Madain dan dia masih hidup.” Lalu aku pergi menemui lelaki itu di sana dan aku bertanya: “Siapa yang meriwayatkannya kepada kamu?” Lelaki itu menjawab: “Seorang

²⁴⁸ البخاري. 1400هـ. صحيح البخاري. كتاب العلم. باب ما يستحب للعالم إذا سئل أي الناس أعلم في كل العلم. القاهرة. المطبعة السلفية.

lelaki yang berada di Wasit dan dia masih hidup.” Lalu aku pergi menemui lelaki itu di sana dan aku bertanya: “Siapa yang meriwayatkannya kepada kamu?” Lelaki itu menjawab: “Seorang lelaki yang berada di al-Bashrah dan dia masih hidup.” Lalu aku pergi menemui lelaki itu di sana dan aku bertanya kepadanya: “Siapa yang meriwayatkannya kepada kamu?” Lelaki itu menjawab: “Seorang lelaki yang berada di ‘Abadan.” lalu dia memegang tanganku dan membawaku ke sebuah rumah yang terdapat di sana sekumpulan ahli sufi dan seorang guru. Lalu dia berkata: “Orang inilah yang meriwayatkannya kepadaku.” Aku bertanya kepadanya: “Siapa yang meriwayatkannya kepada kamu?” Lelaki itu menjawab: “Tiada siapa yang meriwayatkannya kepadaku. Sebab kami mereka-reka hadis itu ialah kami melihat ramai orang yang telah meninggalkan Quran dan mereka menumpukan perhatian kepada hadis, lalu kami mencipta kelebihan-kelebihan tersebut supaya mereka kembali menumpukan perhatian mereka kepadanya (Quran)”.²⁴⁹

Kisah ini walaupun menunjukkan bahawa al-Muammal bersusah mencari sumber asal hadis tersebut sehingga sanggup meredah ratusan kilometer bagi mengetahuinya, ia juga menunjukkan bahawa dia amat mengambil berat untuk mengetahui peribadi orang yang meriwayatkannya.

Perkembangan Syarat Hadis Sahih

Syarat hadis sahih telah melalui beberapa peringkat sebelum sampai ke tahap yang stabil. Pada kurun kedua hijrah Imam Syafie (w150h) pernah menggariskan bahawa syarat hadis yang diterima ialah:

“Hadis khas tidak diterima kecuali dengan memenuhi beberapa syarat. Antaranya, orang yang meriwayatkannya hendaklah bersifat dengan thiqah dari sudut agamanya, terkenal dengan kejujuran dalam pertuturannya, memahami maksud hadis yang diriwayatkannya, memahami bahasa hadis tersebut, menyampaikannya seperti mana yang dia dengar, tidak meriwayatkannya dengan maksudnya sahaja kerana jika dia meriwayatkannya dengan maksudnya sahaja tanpa memahami maksud sebenar hadis tersebut, berkemungkinan dia akan menyebabkan sesuatu yang halal menjadi haram. Tetapi jika dia meriwayatkannya sepertimana dia dengar, kekhuatiran tersebut tidak berlaku, jika dia meriwayatkannya daripada hafalannya, hendaklah dia menghafalnya dengan baik, jika dia meriwayatkannya daripada catatannya, hendaklah dia mencatatkannya dengan baik, jika riwayatnya menyamai riwayat orang lain, hendaklah riwayatnya sama, dia perlu bebas daripada sifat al-Tadlis, iaitu meriwayatkan sesuatu yang dia tidak dengar daripada orang yang dia pernah temui atau dia meriwayatkan sesuatu yang bercanggah dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi thiqah lain. Kesemua ciri-ciri ini mestilah terdapat dalam semua peringkat dalam sanad hadisnya.”²⁵⁰

Daripada pandangan Imam al-Syafie yang wafat pada kurun kedua hijrah tersebut dapat difahami bahawa syarat hadis sahih pada masa beliau masih belum stabil sepertimana yang ada sekarang yang diperkenalkan pada kurun ke empat hijrah dan syarat-syarat yang beliau sebutkan juga menekankan pada masalah kredibiliti perawi. Malah ia merangkumi syarat-syarat lain seperti

²⁴⁹ Masmu' Ahmad Abu Talib. *Al-Manhaj al-Mawdu'e Fi al-Tafsir*. 1987. Kahirah. Dar al-Tabaah. Hlmn274.

²⁵⁰ Sayyid Qutb. *Fi Zilali al-Quran*. 1981. Bairut. Darul Syuruq. Juz 4. Hlmn 2278.

syarat berkaitan kefahaman. Syarat hadis sahih yang diperkenalkan pada kurun ke empat hijrah juga merangkumi perkara yang disebutkan malah lebih ringkas dan padat.

Maksud Fasiq

Perkataan fasiq yang terdapat dalam ayat tersebut bermaksud sama ada orang yang catat kredibilitinya atau kafir. Ini kerana istilah fasik dalam Islam bermaksud kecacatan kredibiliti seseorang dari sudut kepercayaan terhadap keperibadiannya dan terkadang bermaksud kafir. Kefasikan adalah satu kecacatan yang berbentuk umum yang merangkumi sama ada kecacatan keperibadian yang berbentuk besar (kekufuran) atau kecil (melakukan dosa). Dalam Quran perkataan ini telah berulang sebanyak 54 kali dan kebanyakannya bermaksud kekufuran. Namun, mengambil kira penggunaan istilah ini dalam ayat Quran dan hadis Nabi SAW, difahami bahawa istilah ini bermaksud kecacatan keperibadian yang berbentuk kecil (melakukan dosa) dan tidak bermaksud kekufuran kecuali jika konteks ayat menunjukkannya sebagai satu kekufuran sepertimana yang terdapat dalam Quran.

Kefasikan yang bukan berbentuk kekufuran. Biasanya ia berpunca daripada dua faktor utama, iaitu faktor akidah dan faktor amalan. Faktor akidah boleh dijelaskan dengan penyimpangan seseorang daripada ajaran Islam yang sebenar dari sudut pegangan. Seseorang yang mempunyai pandangan yang salah terhadap prinsip agama Islam dikira orang yang menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Termasuk dalam golongan ini sesiapa yang menyokong mana-mana kumpulan yang dianggap menyimpang dalam Islam. Seperti Syiah, Khawarij, Muktaizilah, Murjiah dan Qadariah. Mengikut sejarah, orang yang menyimpang akidahnya biasanya mempunyai beberapa akidah yang membolehkannya melakukan pembohongan. Atas alasan itu kredibilitinya diragui.

Fasik jenis kedua pula ialah kefasikan yang berkaitan dengan amalan. Kefasikan ini juga terbahagi kepada dua, iaitu sama ada kerana melakukan dosa besar tanpa bertaubat atau sering melakukan dosa kecil juga tanpa bertaubat. Orang yang catat dari sudut amalan, terutamanya kerana menipu juga dianggap fasik. Atas alasan itu juga kredibilitinya diragui.

Sepertimana yang disebutkan tadi, kefasikan adalah satu ciri yang mencacatkan kredibiliti seseorang dari sudut kepercayaan terhadap keperibadiannya. Islam mengambil berat terhadap ciri-ciri ini dalam banyak urusannya. Malah kebanyakan urusan penting dalam Islam, ketiadaan sifat kefasikan pada seseorang dijadikan syarat utama untuk menerima kata-katanya. Contohnya dalam ilmu fekah. Para ulama fekah menjadikan kredibiliti baik atau tiada kefasikan sebagai syarat penting dalam beberapa urusan keagamaan. Seperti syarat untuk menjadi hakim dan saksi dalam kes mahkamah. Begitu juga untuk menjadi wali dan saksi dalam urusan pernikahan. Ulama fekah selain bersandarkan kepada ayat 6 surah al-Hujurat, mereka juga bersandarkan kepada beberapa ayat lain seperti ayat 2 surah al-Talaq, ayat 282 surah al-Baqarah begitu juga nas-nas lain. Maka banyak urusan dalam Islam yang menolak aspek kefasikan supaya kebenaran tidak terjejas.

Dalam Ilmu hadis, perawi yang berkredibiliti, bermaksud perawi yang mempunyai ciri-ciri dua komponen utama, iaitu komponen keperibadian dan komponen penjagaan terhadap hadis. Ciri penjagaan terhadap hadis juga dikira dalam ilmu hadis sebagai ciri kredibiliti. Perawi yang memenuhi syarat dua komponen tersebut boleh digelar sebagai 'Thiqah' atau berperibadi baik dalam periwayatan. Perawi 'dhaif' pula ialah perawi yang berperibadi tidak sempurna atas faktor-

faktor yang disebutkan tadi. Maksud berperibadi sempurna dalam ilmu hadis selain daripada tidak fasik diperincikan dengan mempunyai ciri-ciri beragama Islam, tidak gila, baligh dan tidak catat keperibadian dari sudut muruah. Sesetengah ulama menambah satu syarat lain iaitu perawi itu hendaklah dikenali oleh para ulama. Hal ini kerana jika seseorang itu tidak dikenali, dia akan dianggap majhul.²⁵¹ iaitu orang yang tidak diketahui kredibilitinya. Jika dia tidak diketahui kredibilitinya, sukar untuk menentukan kredibilitinya. Justeru, walaupun dia mungkin seorang yang baik, namun sebagai langkah berhati-hati dia dikira dhaif.

Ciri-ciri yang ditetapkan oleh para ulama tersebut dilihat dapat menyelamatkan hadis Nabi SAW daripada dipalsukan. Ciri beragama Islam contohnya. Orang Islam yang percaya kepada ketuhanan Allah SWT, kenabian Nabi SAW dan prinsip-prinsip utama Islam yang lain tidak akan cuba melakukan sabotaj kepada agama yang dia yakini dan dia anutinya. Ini akan menyelamatkan hadis daripada diselewengkan. Begitu juga ciri-ciri berakal dan baligh. Hadis Nabi SAW akan terhindar daripada masalah pemalsuan jika ia hanya diterima daripada orang yang beriman, waras dan matang. Maksud berperibadian sempurna ialah ketiadaan kecacatan kredibiliti sama ada dari sudut akidah dan amalan sepertimana yang disebutkan tadi. Manakala berperibadian sempurna dari sudut muruah bermaksud perawi mengamalkan nilai-nilai murni. Dengan memenuhi ciri-ciri ini, hadis akan terselamat dan seseorang perawi akan diterima dengan mudah kerana keperibadian yang sempurna akan membuatkan dia tidak diragukan.

Kredibiliti dari sudut 'al-Dabt' pula bermaksud penjagaan perawi dari sudut hafalan atau cacatan hadis yang dia catat. Perawi perlulah bersifat 'dabit' dalam meriwayatkan hadis. Ini akan memastikan riwayat yang diriwayatkan tidak berlaku kesilapan. Perkara ini dapat dikesan melalui sama ada pengiktirafan orang lain atau melalui uji kaji terhadap riwayatnya. Terdapat pelbagai perkara yang boleh mencacatkan perawi dari sudut hafalan atau penjagaan terhadap cacatan hadis, seperti faktor perawi mempunyai daya ingatan yang lemah, nyayuk atau cacatan hadisnya hilang atau terbakar.

KESIMPULAN

Kredibiliti perawi diletakkan oleh ulama sebagai kriteria besar dalam menilai kesahihan sesuatu hadis. Penilaian hadis melalui aspek ini dilihat sebagai kaedah yang lebih kuat jika dibandingkan dengan menilainya melalui isi kandungan atau penampilan perawi. Kefasikan adalah satu ciri yang mencacatkan kredibiliti seseorang dari sudut kepercayaan terhadap keperibadiannya. Islam mengambil berat terhadap ciri-ciri ini dalam banyak urusannya. Malah kebanyakan urusan penting dalam Islam, ketiadaan sifat kefasikan pada seseorang dijadikan syarat utama untuk menerima kata-katanya. Ayat 6 surah al-Hujurat menjadi asas penting bagi umat Islam dalam berinteraksi dengan berita-berita yang mereka terima terimasuklah hadis Nabi SAW. Ia telah menjadi panduan bukan sahaja bagi umat Islam menerima apa-apa berita, malah dalam menilai kesahihan hadis Nabi SAW iaitu dengan bukan sahaja menekankan tentang kepentingan meneliti berita yang dibawa oleh orang yang fasik, tetapi juga meneliti kepada kredibiliti pembawa berita itu.

²⁵¹ Ahmad Mustafa Al-Maraghi. Tafsir Al-Maraghi. 2001. DBP Kuala Lumpur. Terjemahan Muhammad Thalib. Juz 15. Hlmn 4147.

RUJUKAN

Abu Daud, Sulaiman al-Sajastani. Sunan Abu Daud. Bab Sunnah. Tah. Izzat Ubayd al-Daas. Hims: t.pt, 1971M.

Al-Tirmidhi, Abu Isa Muh.ammad b. Isa b. Sawrah. al-Jami' al-Sahih @ Sunan al-Tirmidhi. Bab Ilmu. Tah. Ahmad Shakir dan Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1978M.

Ibn Majah: Muhammad bin Yazid, al-Sunan, Kitab al-At'imah. Tah: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, Beirut: Dar al-Fikr (t.t.).

Muslim bin al-Hajjaj, Shahih Muslim. Cet. 1. Riyadh: Dar al-Salam, 1419H.

Muslim. (t.t.). Shahih Muslim. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.

Boleh lihat pada kitab al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar 'Ali bin Thabit. Al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah. Kaherah: Al-Kutub al-Hadithah, 1972M.

al-Tahhan, Mahmud, 2004, Taysir Mustalah al-Hadith.

Khalid bin Sulaiman al-Muzainiy. 1427H. al-Muharrar fi Asbab Nuzul al-Qur'an min Khilal al-Kutub al-Tis'ah: Dirasah al-Asbab Riwayah wa Dirayah. Dar Ibn al-Jawziy li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar 'Ali bin Thabit. Al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah. Kaherah: Al-Kutub al-Hadithah, 1972M.

Al-Syafie, Muhammad bin Idris. al-Risalah. Cet. 1. Beirut: Dar al-Fikr, 1993M. hlm 370.

al-Tahhan, Mahmud, 2004, Taysir Mustalah al-Hadith.